

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia

Tarikh : 13 April 2015 (Isnin)

Mukasurat : 13

# Malaysia pembekal utama peralatan perubatan OIC

Utusan M'sia  
(1 min)  
13/4/15: p13

**BALIK PULAU 12 April** - Malaysia adalah pembekal utama peralatan perubatan hospital dalam kalangan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, perkara itu dimaklumkan oleh seorang wakil perubatan dari kalangan negara OIC kepadanya tahun lepas, yang menyifatkan negara ini sebagai penyumbang terbesar yang membekalkan peralatan perubatan di dunia.

"Malaysia mendahului dalam kalangan 57 negara OIC yang berjaya menguasai pasaran pembekalan peralatan perubatan ini ke seluruh negara, antaranya mesin dan perabut yang digunakan di

hospital," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutupan program Bakti Siswa Pelajar Perda-Tech di Kampung Jalan Bharu, dekat sini hari ini.

Beliau berkata, negara Asia Barat turut menyatakan minat untuk mendalami dari Malaysia mengenai teknologi yang digunakan negara ini untuk menghasilkan peralatan perubatan.

Berikutan pencapaian itu, Hilmi yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau mengalakkan anak-anak muda agar belajar bersungguh-sungguh

untuk menjadi perintis serta pakar dalam mereka cipta peralatan perubatan baharu.

Mengulas perkembangan denggi, Hilmi melahirkan rasa lega berikutan wabak penyakit itu sudah menunjukkan penurunan.

"Dalam tempoh seminggu kini, hanya 1,600 kes dilaporkan di negara ini berbanding 3,000 ke 3,500 kes sebelum ini bagi tempoh sama. Semua pihak bekerja keras untuk menangani penularan wabak denggi ini,"



**HILMI YAHAYA**

katanya. - BERNAMA